

CNS4808

R EB 07-10 0014.5 BB016

aab

PM: KONSEP EAEG BOLEH DIUBAHSUAI
MEA - Mahathir (EAEG)

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri; Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia bersedia menimbang sebarang pengubah suaian bentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkannya.

Malaysia bersedia menerima sebarang cadangan, katanya, pada persidangan akhbar selepas merasmikan mesyuarat ke-23 Menteri Ekonomi Asean (MEA) di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir diminta menjelaskan lebih lanjut apa yang beliau maksudkan dalam ucapannya bahawa kita akan faham sekiranya penerimaan secara persesuaian tidak tercapai mengenai cadangan pembentukan EAEG itu.

+Ada banyak cara untuk mengatasinya,+ katanya dan menambah kata, jika negara-negara Asia Timur tidak dapat menyokong idea itu dalam bentuk yang asal, Malaysia perlu mencari bentuk lain.

Cadangan EAEG adalah dalam agenda MEA yang akan menimbang untuk menerimanya sebagai cadangan Asean. -- Lagi

♥07/10/13-49MST

CNS4.811

R EB 07-10 00084 BB017

aab

MEA - Mahathir (EAEG) 2 KOALA LUMPUR (akhir)

Perdana Menteri yaltin Amerika Syarikat akan lambat laut menyokong EAEG. +Berilah mereka masa untuk menghargai kebaikan EAEG.+

Mengenai soltongan Jepun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Jepun mungkin +ada masalah lain+ yang menyebabkannya tidak dapat memberikan sokongan sepenuhnya.

+Apa yang kita boleh buat, kita akan buat.. kita tidak dapat memaksa mana-mana negara menyertai (EAEG),+ katanya ketika ditanya mengenai kedudukan Jepun bcrhubung EAEG.-- Bernama

♥07/10/13-55MST